



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**PADA MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN**  
**BAPA ANGKAT (YB), JABATAN ANGKAT &**  
**ANAK ANGKAT (SUKAN) SEMPENA**  
**SUKAN MALAYSIA KE-20, MAJLIS SUKAN NEGARA 2022**  
**TARIKH: 24 JULAI 2022 (AHAD), JAM: 3.30 PETANG**  
**DI MINI STADIUM BISTARI, AYER KEROH, MELAKA**  
**(WAKIL: YB TUAN P. SHANMUGAM A/L V. PITCHAY)**

---

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

**TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS;**

**(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)**

1. Pertamanya, saya sangat gembira dan bersyukur kerana kita semua diberi kesempatan untuk berada dalam satu majlis yang cukup bermakna pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Bapa Angkat (YB), Jabatan Angkat & Anak Angkat (Sukan) sempena

Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20, Majlis Sukan Negara (MSN) 2022.

2. Terlebih dahulu, saya mewakili YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur, di atas kesudian menjemput saya mewakili YAB Ketua Menteri ke program ini.
3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang

telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

4. Bagi pihak YAB Ketua Menteri juga, saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur serta semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas penganjuran majlis pada kali ini. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan membuktikan komitmen serta sokongan padu yang berterusan terhadap kemajuan bidang sukan di negeri ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Sudah menjadi kelaziman dan tradisi sejak tahun 2010, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Majlis Penyerahan Pelantikan Watikah Kepada Bapa Angkat (YB), Jabatan Angkat dan Anak Angkat (Sukan) setiap kali menjelanginya temasya Sukan Malaysia (SUKMA). Untuk makluman semua, pada tahun ini SUKMA ke-20, MSN 2022 akan dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia di kawasan-kawasan sekitar Lembah Klang, Nilai dan Langkawi.

6. Saya difahamkan, sebanyak **31** jenis sukan akan dipertandingkan. Maka, penyerahan watak ini juga akan membabitkan sebanyak **22** bapa angkat dalam kalangan YB Ahli Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri, **41** jabatan angkat dan **31** anak angkat dari Persatuan Sukan Negeri Melaka.
  
7. Dengan pelantikan ini, secara rasminya YB-YB, Jabatan-jabatan bersama persatuan-persatuan sukan boleh menyelaraskan bagi membantu menampung apa-apa kekurangan selain meringankan beban yang dihadapi

oleh anak angkat (persatuan sukan) masing-masing untuk persediaan ke Temasya Sukan Malaysia. Perkara ini penting agar kontinjen Negeri Melaka dapat bertanding dalam momentum yang positif dan memenuhi segala keperluan pertandingan.

8. Kepada semua yang terlibat, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan memahami peranan masing-masing dan menggalas tanggungjawab ke atas sukan-sukan yang diamanahkan selain lebih menghargai pengorbanan para atlet yang telah banyak menabur bakti untuk kecemerlangan serta kemajuan sukan.

9. Sesungguhnya, Kerajaan Negeri Melaka sentiasa menyokong apa sahaja aktiviti sukan yang dijalankan oleh semua badan sukan di negeri ini sejajar dengan **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ2035)** di bawah **flagship ke-8** iaitu memartabatkan belia dan sukan untuk menjadikan Melaka sebagai negeri Sejahtera. Saya percaya, dengan usaha kerajaan melalui program seumpama ini, ia dapat memberi manfaat dan kesan yang positif kepada semua pihak.



Para hadirin sekalian,

10. Saya menegaskan di sini bahawa tuan-tuan dan puan-puan perlu membuat perancangan rapi, persediaan awal, serta memberi sepenuh komitmen dalam setiap pasukan. Hal ini penting bagi setiap persatuan sukan dan jurulatih untuk membuat perancangan secara sistematik agar prestasi atlet boleh berada di tahap yang terbaik menjelang Temasya SUKMA pada bulan September ini.

11. Justeru, marilah kita bersama-sama membuktikan pelaburan dana Kerajaan Negeri kepada persatuan sukan, jurulatih, atlet tidak disia-siakan melalui pencapaian cemerlang pada SUKMA yang merupakan temasya paling berprestij dan tertinggi di antara semua Kejohanan Peringkat Kebangsaan di Malaysia.
12. Saya berharap, kita semua dapat menunjukkan komitmen dan menjalin kerjasama paling akrab dengan semangat kesukanan serta mempamerkan imej Negeri Melaka yang baik, agar kita dihormati oleh semua pihak. Saya mendoakan agar kontinjen Negeri Melaka berjaya

dengan cemerlang serta dipermudahkan segala urusan semasa SUKMA.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Tahniah saya ucapkan kepada bapa angkat dan jabatan angkat yang dilantik. Laksanakanlah tanggungjawab yang diamanahkan dan sokonglah anak angkat masing-masing. Harapan saya agar hubungan bapa, jabatan dan anak angkat ini tidak berhenti setakat SUKMA pada tahun ini sahaja, tetapi ia berterusan pada tahun-tahun

akan datang. Bantulah seikhlas dan semampunya demi memajukan sukan di negeri yang kita sayangi ini.

14. Dengan kudrat sedia ada dan kerjasama yang tidak putus daripada semua pihak terlibat, saya percaya dan yakin sukan di Negeri Melaka akan terus berkembang dan meningkat maju. Pengorbanan yang kita lakukan hari ini adalah penghargaan untuk negeri kita juga.
15. Sekali lagi terima kasih di atas kesudian semua yang hadir pada majlis petang ini. Semoga semangat pahlawan Hang Tuah dan rakan-rakan terus mengalir

dalam jiwa anak jati Melaka dan selamat maju jaya.  
Semoga kita beroleh kejayaan dengan cemerlang pada  
SUKMA Ke-20, MSN 2022.

Sekian.

Wabilahitaufiq walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

**-TAMAT-**